

**UNIT PENGURUSAN ASRAMA  
KOLEJ VOKASIONAL DATO' LELA MAHARAJA  
71300  
REMBAU, NEGERI SEMBILAN**

**NO TELEFON : 06-6851218 (WAKTU PEJABAT)  
NO FAX : 06-6858178  
NO HOTLINE : 01116695300 (24 JAM)**

**LINK CHANNEL TELEGRAM :**

<https://t.me/UnitPengurusanAsramaKVDLM>

**@UnitPengurusanAsramaKVDLM**

**LINK WHATSAPP :**

<http://UnitPengurusanAsramaKVDLM.wasap.my>

**"INI BUKAN ASRAMA SAYA, INI ASRAMA KITA"**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

**YA ALLAH, AMPUNILAH SEGALA DOSA KAMI, JUGA DOSA IBU BAPA KAMI, DAN RAHMATILAH IBU BAPA KAMI, SEBAGAIMANA IBU BAPA KAMI MEMELIHARA DAN MENDIDIK KAMI SEMASA KAMI KECIL.**

**YA ALLAH, PELIHARALAH ANGGOTA TUBUH KAMI, PELIHARALAH PENDENGARAN KAMI, PELIHARALAH PENGLIHATAN KAMI, SESUNGGUHNYA KAU LAH TEMPAT KAMI MEMOHON PERLINDUNGAN.**

**YA ALLAH, SESUNGGUHNYA KAMI MEMOHON PERLINDUNGAN KEPADA MU DARI KESEDIHAN DAN KESUSAHAN, DAN KAMI MEMOHON PERLINDUNGAN KEPADA MU DARI KELEMAHAN DAN KEMALASAN, KAMI JUGA MEMOHON PERLINDUNGAN KEPADA MU DARI SIFAT BAKHIL DAN KETAKUTAN SERTA KEGAGALAN, DAN KAMI MEMOHON PERLINDUNGAN KEPADA MU DARI BERATNYA HUTANG DAN KEKERASAN PEMIMPIN.**

**WAHAI TUHAN KAMI, DENGAN BERKAT CAHAYA AL-QURAN, SINARILAH HATI KAMI DENGANNYA, LAPANGKAN DADA KAMI DENGANNYA, MUDAHKAN PERGERAKAN FIZIKAL KAMI DENGANNYA, KAU LANCARKAN LIDAH KAMI DENGANNYA, KUATKAN INGATAN KAMI DENGANNYA,PERCEPATKAN PEMAHAMAN KAMI DENGANNYA, KUATKAN AZAM KAMI DENGANNYA, DENGAN IZIN DAN KEKUASAAN MU YA ALLAH SESUNGGUHNYA TIADA TEMPAT BERGANTUNG SELAIN DARI MU YA ALLAH.**

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

### JADUAL HARIAN ASRAMA

1. Bangun pagi jam 5.30 pagi.
2. Berjemaah subuh di surau pada jam 6.15 pagi.
3. Sarapan pagi sebelum 7.20 pagi.
4. Berkumpul di dataran asrama pada jam 7.30 pagi.
5. Bergerak ke kelas, makmal, ladang untuk PdP sehingga jam 1.30 petang.
6. Dorm hanya akan dibuka sejurus selepas tamat PdP.
7. Solat zuhur berjemaah di surau.
8. Makan tengahari sehingga jam 2.00 petang.
9. PdP sesi petang bermula jam 2.30 petang sehingga 4.30 petang.
10. Solat asar berjemaah di surau dan minum petang.
11. Aktiviti sukan di padang Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja sehingga jam 6.20 petang (kecuali pelajar yang mengikuti kelas al-Quran)
12. Kelas al-Quran bermula jam 5.30 petang sehingga 6.30 petang.
13. Makan malam dan persiapan diri bermula jam 6.30 petang sehingga 7.20 malam.
14. Berada di surau untuk Solat maghrib dan isya' di Surau al-Mawaddah jam 7.30 malam.
15. Minum malam jam 9.30 malam
16. "light off" jam 11.30 malam.
17. Rancang jadual harian dengan teratur bagi mengelakkan kelewatan.


### SENARAI SEMAK KEPERLUAN PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN

1. Senaskhah Al-Quran bagi pelajar **muslim**.
2. Kad matrik
3. Kad rawatan klinik
4. Kelengkapan mandian dan cucian yang sesuai.
  - a. Sabun, syampu, ubat gigi, berus gigi dan lain-lain yang difikirkan perlu.
  - b. Sabun basuh, berus basuh, baldi, gayung dan lain-lain yang difikirkan perlu.
5. Pakaian.
  - a. Pakaian kebangsaan untuk majlis rasmi.
  - b. Pakaian yang sesuai ke surau.
  - c. Baju T berkolar.
  - d. Seluar slack panjang.
  - e. Pakaian sukan yang sesuai dan mematuhi peraturan.
  - f. Pakaian harian yang mencukupi dan mematuhi peraturan.
6. Kasut & selipar yang sesuai dengan aktiviti Kolej Kediaman.
7. Mangga loker.
8. Penyangkut baju dan bantal.
9. Buku kuning Kolej Kediaman.
10. Yuran makan Kolej kediaman.
11. Sumbangan kelas Al-Quran, bayaran Astro dan bayaran kad matrik.

### SENARAI BARANG LARANGAN BAGI PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN

1. Alat-alat elektronik
2. Telefon bimbit
3. Barangan kemas
4. Rokok dan minuman keras
5. Pil khayal dan gula-gula getah
6. Pakaian yang tidak sesuai
  - a. Menjolak mata dan bergambar
  - b. Jeans & Legging
7. Bahan bacaan bukan ilmiah
  - a. Lucah
  - b. Berunsur negatif
8. Bahan permainan
9. Bahan berbahaya seperti
  - a. Bahan letupan dan mercun
  - b. Peralatan tajam
  - c. Mengancam keselamatan
12. Kenderaan
13. Binatang peliharaan

### CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN PELAJAR-PELAJAR BARU SVM/SKM



### PROSEDUR BALIK WAJIB HARI JUMAAT



**Nota :** Maklumkan kepada warden melalui SMS atau *Whatsapp* tentang kelewatan balik ke asrama. Sila nyatakan nama penuh, dorm, program, tahun dan sebab-sebab kelewatan

### PROSEDUR BALIK WAJIB BUKAN HARI JUMAAT



**Nota :** Maklumkan kepada warden melalui SMS atau *Whatsapp* tentang kelewatan balik ke asrama. Sila nyatakan nama penuh, dorm, program, tahun dan sebab-sebab kelewatan

### PROSEDUR BALIK PILIHAN HARI JUMAAT




**Nota :** Maklumkan kepada warden melalui SMS atau *Whatsapp* tentang kelewatan balik ke asrama. Sila nyatakan nama penuh, dorm, program, tahun dan sebab-sebab kelewatan

### PROSEDUR BALIK BERMALAM



**Nota :** Maklumkan kepada warden melalui SMS atau *Whatsapp* tentang kelewatan balik ke asrama. Sila nyatakan nama penuh, dorm, program, tahun dan sebab-sebab kelewatan

### PROSEDUR BALIK KERANA CUTI SAKIT




### PROSEDUR BALIK KERANA KECEMASAN



**PROSEDUR KELUAR KE BANDAR**



**PROSEDUR KELUAR KE BANDAR DENGAN PENJAGA**



## SENARAI PENYAKIT YANG DIBENARKAN UNTUK DIBAWA

### KE WAD KECEMASAN

1. Strok / angin ahmar
2. Keracunan
3. Serangan sakit jantung
4. Sawan
5. Pendarahan tidak henti
6. Tidak sedar diri / koma
7. Dehidrasi teruk
8. Sakit dada berterusan
9. Kesukaran bernafas
10. Kepatahan tulang
11. Melecur teruk
12. Kecederaan teruk akibat kemalangan
13. Sakit bahagian abdomen / pendarahan ketika mengandung
14. Kecederaan kepala yang mengakibatkan muntah / pendarahan hidung, mulut atau telinga

## SENARAI KESALAHAN BERAT BAGI PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN KOLEJ VOKASIONAL DATO' LELA MAHARAJA

1. Menyimpan, membawa, mengambil atau mengedar dadah.
2. Menghisap, menyimpan atau membawa rokok, meminum minuman keras atau berjudi.
3. Mencuri atau merosakkan harta benda sekolah atau asrama, guru-guru, pekerja atau pelajar-pelajar lain dengan sengaja.
4. Mencabar atau mengancam serta menggunakan kekerasan terhadap guru-guru, kakitangan atau pelajar lain.
5. Menjadi ahli dalam pertubuhan haram dan menyimpan senjata berbahaya yang boleh digunakan untuk tujuan jahat.
6. Menceroboh ke Kolej Kediaman Puteri bagi pelajar lelaki atau sebaliknya.
7. Pertemuan antara pelajar lelaki dan perempuan atau dengan individu lain yang berlainan jantina di tempat-tempat yang tersembunyi, gelap atau yang boleh mendatangkan syak wasangka.
8. Sengaja menimbulkan perkara-perkara yang sensitif dengan tujuan menimbulkan kacau bilau dan pergaduhan.
9. Meninggalkan kawasan sekolah / kolej kediaman tanpa kebenaran dengan cara memanjat pagar, menumpang kenderaan dan sebagainya.
10. Ponteng kelas / sekolah, tidak menyiapkan tugas, menipu dan membantah arahan warden / guru.
11. Membantah keputusan atau arahan pihak pejabat, penyelia asrama, warden, guru disiplin, penolong kanan atau pengetua walaupun telah diberi beberapa kali amaran.
12. Menunjukkan sifat bongkak dan menghina Majlis Perwakilan Pelajar KVDLM, Biro Kolej Kediaman KVDLM, warden, guru dan kakitangan sekolah / asrama.



### **JADUAL HARIAN BULAN RAMADHAN**

1. Sahur bermula jam 4.30 pagi.
2. Berjemaah subuh di surau pada jam 6.15 pagi.
3. Berkumpul di dataran asrama pada jam 7.30 pagi.
4. Bergerak ke kelas, makmal, ladang untuk PdP sehingga jam 3.00 petang.
5. Dorm hanya akan dibuka sejeurus selepas tamat PdP.
6. Tadarus al-Quran bermula jam 3.45 petang sehingga 4.45 petang.
7. Kelas mengaji akan berjalan seperti biasa pada jam 5.00 petang sehingga 6.00 petang.
8. Pelajar dibenarkan untuk ke bazar ramadhan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada jam 6.15 petang.
9. Berada di Dewan Makan selewat-lewatnya sebelum 7.15 malam.
10. Solat maghrib di Surau al-Mawaddah jam 8.00 malam.
11. Berjemaah isya' dan tarawih di Surau al-Mawaddah.
12. Minum malam seperti biasa jam 9.30 malam
13. "light off" seperti biasa jam 11.30 malam.
14. Pelajar dibenarkan pulang ke kampung setiap jumaat tertakluk kepada pindaan.
15. Pulang semula ke kolej kediaman sebelum jam 9.00 malam.
16. Rancang jadual harian dengan teratur bagi mengelakkan kelewatan.
17. Banyakkan istighfar ketika sahur dan berdoa ketika hendak berbuka puasa.

### **WAKTU BERURUSAN DENGAN UNIT PENGURUSAN ASRAMA**

#### **PENYELIA ASRAMA**

ISNIN HINGGA JUMAAT (8 PAGI SEHINGGA 5 PETANG)

URUSAN :

- BAYARAN YURAN MAKANAN
- SERAHAN DUIT BAYARAN YANG LAIN
- ADUAN

#### **WARDEN ASRAMA**

ISNIN HINGGA JUMAAT (8 PAGI SEHINGGA 5 PETANG)

URUSAN :

- COP BUKU KUNING UNTUK BALIK WAJIB
- COP BUKU KUNING UNTUK BALIK BERMALAM
- SERAHAN DUIT UNTUK DISIMPAN OLEH WARDEN (BKCP11)
- MENGAMBIL DUIT YANG DISIMPAN DARI WARDEN
- ADUAN

**SELAIN DARI WAKTU DI ATAS, PELAJAR BOLEH BERURUSAN DENGAN BIRO ASRAMA DAN HANYA KES-KES KECEMASAN SAHAJA AKAN DILAYAN. TERIMA KASIH KERANA MENGHORMATI KEHIDUPAN SEORANG WARDEN.**

## PERATURAN-PERATURAN AM

1. Penjaga tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan pelajar selepas jam 10.00 malam.
2. Penjaga tidak dibenarkan masuk ke kawasan asrama, untuk menghantar makanan, terhad di pondok pengawal sahaja.
3. Penjualan makanan dari luar perlulah mendapat kebenaran Ketua Unit Pengurusan Asrama.
4. Sila patuhi waktu berurusan dengan warden asrama.
5. Pelajar tidak dibenarkan makan dan minum di dalam dorm.
6. Penggunaan alat elektrik tertakluk sepenuhnya di bawah kebenaran Ketua Unit Pengurusan Asrama.
7. Pelajar tidak dibenarkan untuk membawa kenderaan.
8. Sebarang aktiviti malam perlulah dimaklumkan kepada warden dan dilaksanakan selepas solat isya'.
9. Pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama bermula jam 7.40 pagi sehingga jam 1.30 tengahari.
10. Kawasan ladang dan makmal merupakan kawasan larangan selepas jam 6.30 petang. Pada hujung minggu, aktiviti di ladang dan makmal bermula hanya selepas jam 11.00 pagi dengan kehadiran pensyarah dan dimaklumkan kepada warden.
11. Kenderaan penjaga terhad di kawasan tempat letak kereta berhampiran pondok jaga. Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di laluan hadapan kolej kediaman puteri.
12. Penghuni asrama wajib menyertai semua program asrama.

## PENGGUNAAN BILIK-BILIK KHAS

1. SURAU
  - Pelajar diwajibkan berada di surau untuk menunaikan solat fardhu. Pelajar tidak dibenarkan untuk berada di surau ketika waktu pdp melainkan dengan kehadiran pensyarah
2. BILIK REHAT
  - Boleh digunakan hanya untuk kelas mengaji, waktu petang dan selepas solat isya'. Perlu dikosongkan selepas jam 11.30 malam
3. BILIK SAKIT
  - Hanya pelajar yang sakit sahaja dibenarkan untuk menggunakan bilik ini
4. GIMNASIUM
  - Terhad untuk kegunaan pelajar puteri sahaja. Pada hari Sabtu dan Ahad dikhususkan untuk penyelenggaraan.
5. BILIK GOSOK
  - Pelajar dibenarkan untuk menggosok baju selepas solat isya' setiap hari. Pastikan suis penggosok dimatikan selepas digunakan.
6. BILIK BELAJAR
  - Pelajar dibenarkan untuk menggunakan bilik belajar pada waktu petang dan selepas solat isya'. Pastikan bilik sentiasa berada dalam keadaan kemas dan bersih.